



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

# TARBIATUNA



JAWATANKUASA TARBIAH - IKRAM MALAYSIA

Bil Keluaran : 10

Siri : 1437H/03 Edaran untuk ahli IKRAM sahaja

Bulan: Rejab - Syaaban 1437H

## Bingkisan Tarbawi



Ustaz Tajul Arifin Che Zakaria  
Pengerusi JK Tarbiah Pusat

## Al-Taujihat Al Ukhti Murabbiah



Ustazah Sallawahiu  
Mohd Salleh  
Naib Ketua Wanita 2  
JK Wanita IKRAM

## Taujihat



Ustaz Mohd Fadzil Saleh  
Mantan Pengerusi JK  
Penerangan dan  
Media IKRAM Pusat

## Kepimpinan & Perubahan

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Pada keluaran ini kami cuba menggarap beberapa isu yang menjurus kepada membumikan dakwah dan fikrah kita kepada masyarakat. Dengan kata lain kita sedang membawa usaha dakwah dan tarbiah atau islah dan taghyir ke medan masyarakat. Sesungguhnya ini adalah kerja besar yang memerlukan kesepaduan dari peringkat kepimpinan dan pekerja dakwah di medan, kefahaman yang mendalam terhadap misi perubahan dan tataranya serta keyakinan bahawa hakikat perjuangan adalah sentiasa berada dipihak yang menang samada di dunia atau di akhirat

Dakwah kepada masyarakat memerlukan kebolehan dan kemampuan organisasi yang mantap di setiap negeri dan daerah. Dakwah ke dalam masyarakat bukanlah hanya setakat "touch n go" tetapi ia perlu mengesani masyarakat dari sudut akidah, ibadah dan akhlak bahkan juga dari sudut pemikiran dan keinginan hidup yang lebih baik di bawah naungan wahyu dan sunnah iaitu Islam sebagai rahmatan lil alamin.

Sehubungan dengan itu dalam keluaran kali ini adalah amat digalakkan untuk pembaca meneliti, menghayati serta dibincangkan dalam pertemuan-pertemuan supaya memahami dan mencari jalan sebaiknya untuk hidup bersama masyarakat dalam melaksanakan amal makruf dan mencegah mungkar.

Di bahagian maktabah tarbiah juga kami memperkenalkan kepada pembaca buku manhaj islah dan perubahan untuk dijadikan bekal.

Sebagai penutup kami mengharapkan agar kepimpinan yang baru dilantik pada kali ini dapat membawa ahli IKRAM kepada fasa yang lebih mencabar iaitu fasa perubahan dan hidup bersama-sama masyarakat untuk menjadi satu masyarakat yang lebih baik dari seluruh aspek kehidupan. Bekerjalah dengan ikhlas Insya-Allah kemenangan itu pasti.



Dari Meja Editor


## Mutiara Al-Quran



وَجَعَلْنَا مِنْهُمْ أُمَّةً مُبْدُونَ بِأَمْرِنَا  
لَمَّا صَبَرُوا وَكَانُوا بِآيَاتِنَا  
يُوقِنُونَ

Kami jadikan dari kalangan mereka beberapa pemimpin, yang membimbing kaum masing-masing kepada hukum agama Kami, selama mereka bersikap sabar (dalam menjalankan tugas itu) serta mereka tetap yakin akan ayat-ayat keterangan Kami. (As-Sajdah : 24)

## Mutiara Hadith



Dari Abu Musa (Abdullah) bin Qais al-asy'ary r.a. berkata: Rasulullah saw ditanya mengenai orang-orang yang berperang karena keberanian, karena kebangsaan atau karena kedudukan manakah diantara semua itu yang disebut fisabilillah? Rasulullah saw menjawab, "Siapa yang berperang semata-mata untuk menegakkan kalimatullah (agama Allah) maka itulah fisabilillah."

(Hadith Riwayat Bukhari - Muslim)

## Mutiara Hikmah



Kewajipan kita lebih banyak daripada masa yang ada pada kita, oleh itu gunakanlah masa dengan sebaik-baiknya dan ringkaskanlah pelaksanaannya.

~Imam Hasan Al-Banna~



## QIADAH & JUNDIYAH

### PENGALAMAN & PESANAN



#### Qiadah dan Jundiayah

Qiadah adalah seorang pemimpin yang bertugas memimpin semua yang di dalam organisasinya. Sedangkan Jundi membawa makna tentera dalam sebuah organisasi. Manakala Qiadah wal Jundiayah adalah istilah bagi pemimpin dan para pengikutnya, yang biasa diguna pakai oleh organisasi Islam atau Jamaah@persatuan Islam. Qiadah dan Jundiayah adalah sesuatu yang tak boleh dipisahkan. Di mana ada seorang pemimpin mestilah ada yang orang yang dipimpinnya. Begitu juga, seorang pemimpin yang hebat akan selalu disokong oleh pasukan yang juga hebat yang sentiasa setia berada di belakangnya.

Posisi Qiadah dan Jundiayah sangat penting sekali sehinggakan dinyatakan oleh Allah di dalam al Quran. Allah sangat menyukai orang-orang yang berjamaah membentuk suatu bangunan yang kukuh, difirmankan di dalam surah As-Shaff. "Sesungguhnya Allah menyukai orang yang berperang dijalan-Nya dalam barisan yang teratur seakan-akan mereka seperti suatu bangunan yang tersusun kukuh". (Assaf:4)

Keperluan bagi membina kesatuan dan kepaduan agar sentiasa kukuh dan dipimpin dalam sebuah perjuangan demi Islam, menjadi intipati ayat tersebut.

Hadis Rasulullah juga ada yang menunjukkan betapa pentingnya suatu kepemimpinan dalam umat Islam dalam segala urusan. Hadis tersebut antara lain yang pertama adalah:

**"Tidak halal bagi tiga orang yang sedang berada di sebuah perjalanan kecuali salah seorang di antara mereka menjadi pemimpinnya" (HR. Ahmad).**

Hadis tersebut menggambarkan bahkan dalam hal seke-

cil sebuah perjalanan antara tiga orang pun harus ada yang memimpin, apalagi urusan yang lebih besar yang tentunya lebih banyak orang pula. Hadis yang kedua berbunyi:

**"Imam (penguasa) adalah pemimpin dan ia bertanggung jawab atas yang dipimpinnya" (HR. Bukhari & Muslim).**

Ertinya adalah seorang pemimpin memiliki tanggung jawab yang besar terhadap yang dipimpinnya.

Berkenaan dengan jundi juga Rasulullah menyebutkan dalam hadis diriwayatkan oleh Muslim :

**"Barang siapa yang melepaskan tangannya dari ketaatan kepada imamnya maka ia pada hari kiamat tidak memiliki hujah" (HR. Ahmad).**

Hadis ini menerangkan bahawa seorang jundi yang telah memba'iat diri kepada pemimpinnya memiliki kewajiban untuk mentaati perintah pemimpinnya, bahkan apabila seorang jundi tidak mentaati perintah pemimpinnya ancamannya adalah ketika hari kiamat tidak akan memiliki hujah.

#### Hak-hak Qiadah

Seorang Qiadah/Pemimpin jamaah memiliki hak-hak tertentu yang harus dipenuhi oleh para Jundinya. Seperti bagaimana cara bersikap apabila berinteraksi dengan Qiadah dan itu harus dimiliki oleh setiap Jundi yang ada dalam jamaah.

Hak-hak yang wajib diberikan kepada qiadah oleh seorang jundinya antara lain adalah Taat, Thiqah, Iltizam, Isti'zan, Ihtiom. Organisasi juga bagaikan sebuah keluarga besar yang mempunyai disiplin, tatasusila juga adab-adab yang perlu dihayati dan dipatuhi bagi kelangsungan keluarga

yang bermaruah. Jamaah yang didirikan di atas satu cita-cita besar, mempunyai matlamat yang lebih jauh dan penting berbanding sekadar agenda peribadi dan keluarga, kerana nantinya peribadi dan keluarga akan terpelihara di dalam cita-cita dan matlamat jamaah itu sendiri. Oleh yang demikian matlamat Jamaah harus lebih besar dari matlamat peribadi.

### 1. Taat

Taat bererti seorang Jundi harus mendidik diri agar memiliki rasa taat dalam menjalankan perintah-perintah serta arahan-arahan yang diberikan kepadanya oleh pimpinan, baik yang disukai atau sebaliknya. Menunaikannya dengan rasa gembira dan bahagia

### 2. Tsiqah

Tsiqah bererti seorang Jundi harus menerima dan memiliki perasaan dan hati yang lapang dalam menerima perintah, amanah, ataupun segala yang datang dari Qiadah kepadanya tanpa ada keragu-raguan di dalamnya (selagi tidak berlawanan dengan syarak). Tsiqah adalah suatu anugerah dari Allah kepada seorang ahli kepada pimpinan. Ianya datang dari perasaan yakin dan percaya kepada hala tuju perjuangan dan juga sosok peribadi pemimpin yang berkeperibadian dan memiliki qudwah yang selayaknya sebagai pemimpin

### 3. Iltizam

Iltizam membawa maksud jundi yang memberikan iltizam sepenuhnya untuk selalu taat dan tsiqah kepada Qiadah dan Jamaah secara berterusan dan bersungguh-sungguh. Mendahului tugas jamaah berbanding tugas yang lain dalam kehidupannya

### 4. Isti'zan

Isti'zan bermaksud memohon izin bagi melakukan sesuatu. Dalam jamaah, tenaga jundi diperlukan dalam mengatur tugas agar mencapai matlamat. Seseorang jundi seharusnya sentiasa melihat dirinya dari kaca mata keperluan jamaah, lalu jika mempunyai perancangan sendiri harus bersyura' (berbincang) agar jamaah tahu samada perlu memberikan keizinan kepadanya atau jamaah memerlukan dirinya untuk sesuatu tugas. Para sahabat sering meminta izin untuk tidak melakukan sesuatu arahan atau tugas dengan memberikan keuzuran masing-masing. Namun, manakala tidak diizinkan, mereka rela dan redha untuk mengikuti keputusan qiadah demi Islam.

### 5. Ihtirom

Ihtirom berarti seorang Jundi harus memiliki sikap hormat yang tinggi kepada Qiadah walau apa jua keadaan dan situasi, sebagaimana kita ingin diperbuat. Selayaknya seorang qiadah itu dihormati dan disayangi. Jika nantinya kita dipilih sebagai qiadah, kita memerlukan kepercayaan dan penghormatan sebagaimana selayaknya.

Selain kelima sifat di atas ada satu perkara yang tidak boleh dilupakan iaitu sentiasa mengingatkan apabila pada suatu waktu Qiadah kita melakukan kesilapan dan kekhilafan. Tentunya kita mengingatkan dengan cara yang ehsan dan tidak di hadapan umum agar martabat, wibawa dan izzah Qiadah tetap terjaga dan tidak diperlekehkan di hadapan orang lain.

## Bagaimana Membangun Kethiqahan Kepada Qiadah

Organisasi atau Jamaah yang mantap itu tentunya lahir dari kepaduan Qiadah dan Jundiyah yang saling bekerjasama dan hormat menghormati serta disulami oleh ukhuwah dan kasih sayang.

Tentunya sebagai seorang jundi haruslah mentaati perintah dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Qiadah. Dalam mentaati perintah diperlukan sikap dan kadar kethiqahan yang tinggi yang harus dimiliki seorang Jundi terhadap Qiadahnya. Sikap thiqah ini tak lain adalah bentuk ketaatan dan kesetiaan terhadap apa yang menjadi ketentuan yang diberikan oleh Qiadah kepada para Jundinya.

Tentunya thiqah dalam hal ini bukan bererti taksub atau taklid buta terhadap segala apa yang diperintahkan. Karena Qiadah tentunya adalah seorang manusia biasa yang sangat dekat sekali dengan perbuatan salah dan khilaf. Maka sebagai Jundi juga harus sentiasa mengingatkan dengan cara yang terbaik apabila dalam beberapa hal Qiadah dirasai melakukan kekhilafan-kekhilafan yang barangkali tak disedarinya.

Kita semua harus memahami bahawa Qiadah mungkin juga bukanlah orang yang paling kuat, bukanlah orang paling benar, dan juga bukan orang yang paling bertakwa di antara kita. Yang harus kita lakukan adalah cukup dengan mempercayainya bahawa pemimpin kita adalah orang yang mampu membawa tugas amanah kepemimpinan dengan baik. Jika pun ada seseorang lainnya di antara kita yang barangkali memiliki kemampuan lebih dibandingkan Qiadah kita maka cukuplah kelebihan itu digunakan untuk mendukung kerja-kerja Qiadah dan bukan menjadi pesaing atau membina arus untuk melawan Qiadah.

Barangkali sebuah contoh yang boleh kita ambil pengajarannya adalah dialog antara Umar Bin Khattab dengan Abu Bakar Ash Shidiq sepeninggalan Rasulullah SAW:

**“Umar berkata kepada Abu Bakar, ‘Hulurkanlah tanganmu, aku akan membai’atmu.’ Abu Bakar berkata, ‘Akulah yang membai’atmu.’ Umar berkata, ‘Kamu lebih utama dariku.’ Abu Bakar lalu berkata, ‘Kamu lebih kuat dariku.’ Setelah itu Umar ra berkata, ‘Kekuatanku kupersembahkan utukmu karena**

**keutamaanmu.' Umar pun terbukti benar-benar menjadikan kekuatannya sebagai pendukung Abu Bakar sebagai khalifah”.**

Imam syahid Hasan Al Banna mengatakan: 'Wahai ikhwan, angkatlah menjadi pemimpin orang yang paling lemah di antara kalian. Kemudian dengarlah dan taatilah dia. Dengan (bantuan) kalian, ia akan menjadi orang yang paling kuat di antara kalian'. Perkataan dari Hasan Al Banna menjelaskan bahawa seorang pemimpin itu boleh jadi adalah orang yang paling lemah di antara jamaah. Namun kepercayaan dan ketaatan dari para jundi terhadap pemimpinnya boleh menjadikannya pemimpin yang paling kuat di antara yang ada.

Ramai dari kalangan ahli yang mempunyai kelebihan yang berbagai-bagai, namun kesemuanya akan menjadi kekuatan dan kepaduan jika dapat kita kumpulkan dan menyusun mereka mengikut strategi jamaah dan kepakaran mereka. Ini akan menjadikan jundi merasa mereka dihargai di samping akan meningkatkan rasa thiqah mereka kepada qiadah

Pastinya, banyak dari jundi dalam jamaah sering kali merasakan dirinya berbeza pendapat atau bahkan berlawanan dengan arahan dan fikiran dari Qidah, dan itu adalah hal yang biasa terjadi dalam kehidupan bermasyarakat sekalipun.

Kita sebagai Jundi harus sedar dan insaf bahawa seorang Qidah bukanlah malaikat yang tidak melakukan kesalahan dan kekhilafan. Biar bagaimanapun Qidah kita adalah seorang manusia biasa yang tak akan pernah luput dari kesalahan yang dilakukannya baik itu sengaja ataupun tidak disengajakan.

**Tugas seorang Jundi adalah mengingatkan Qidahnya apabila melakukan kekhilafan dengan cara dan adab-adab yang selayaknya buat Qidah.**

**Begitu juga yang juga harus disedari oleh seorang Qidah adalah menyedari bahawa dirinya bukanlah orang yang paling benar sehingga jika ada Jundi yang mengingatkan dirinya, lantas berterima kasih dan menerima dengan hati yang terbuka.**

**Namun apabila terjadi perbezaan pendapat antara Qidah dan Jundinya terhadap suatu perkara maka sikap Thiqah kepada pemimpin tetap yang lebih utama.**

## Ciri-ciri Qidah

Sesuatu organisasi dan Jamaah yang ingin berjaya dalam cita-cita dakwahnya sebagaimana yang sentiasa diwar-warkan kepada ahli, masyarakat dan dunia harus memiliki beberapa ciri penting kepada barisan kepimpinannya agar mereka(qidah) tidak menjadi penghalang kepada kejayaan, atau membawanya tersasar dari matlamat sebenar dengan berbagai alasan yang sering diwajibkan. Ini sangat penting kerana jundi kini, ada dalam mereka yang bijak, terpelajar, kuat dan matang. Hanya kerana jamaah disempadani oleh peribadi yang berakhlak, setia, berbaik sangka dan sebagainya, maka isu kepimpinan dapat dibendung dalam kebanyakan organisasi atau jamaah. Namun juga tidak kurang yang terpecah dan memusuhi sesama sendiri sehingga menjadikan matlamat semakin menjauh, dan musuh semakin kuat. Oleh yang demikian, qiadah masa kini memerlukan mereka yang memiliki ciri-ciri:

### 6. Faham Matlamat Perjuangan

Qidah harus dari kalangan mereka yang sangat jelas memahami matlamat perjalanan sebuah perjuangan dakwah serta fikrah yang didokonginya, agar sentiasa meluruskan perjalanan jamaah kepada matlamat utama walaupun sentiasa berdepan dengan perubahan2 strategi dalam pelbagai situasi.

### 7. Faham Jalan Menuju Tujuan

Mereka juga harus mengetahui bagaimana hendak mencapai tujuan perjalanan, dari keperluan peribadi, sesama ahli, organisasi, komunikasi, jaringan, siasah, media, strategi, pengurusan dan sebagainya agar kesemua ilmu ini dipergunakan bagi mencapai matlamat. Qidah tidak teraba-raba dalam mengetuai perjalanan perjuangannya, bahkan tahu selok belok dan ragam perjalanan yang panjang ini.



## 8. Bijak Mengurus

Qiadah harus menonjol dengan ciri-ciri pengurusan kerana tugas utama pemimpin ialah mengurus suatu organisasi yang melibatkan pengurusan manusia, pembahagian tugas, pengagihan tenaga kerja, pengurusan masa, pengurusan konflik dan seumpamanya

## 9. Tegas

Qiadah mesti tegas dalam perkara-perkara yang memerlukan ketegasan, serta berani, cepat dan tepat dalam membuat keputusan tanpa mengira kemaslahatan peribadi atau individu. Kepentingan ummah dan jamaah mengatasi kemaslahatan individu dan kelompok

## 10. Prihatin

Qiadah mesti sensitif dan prihatin kepada persekitaran dalam dan luar jamaah agar kita benar-benar mengurus situasi masa kini dan bukan sebaliknya. Prihatin kepada ahli, keluarganya, kejiranan, orang ramai di sekeliling serta badan2 lain yang menyokong dan sebaliknya. Kebajikan, kebaikan, permasalahan dan sesuatu yang menimpa mereka baik atau buruk dalam jangkauan qiadah melalui sistem pengurusannya.

## 11. Bijak & Berpandangan Jauh

Qiadah yang bijak dan berpandangan jauh akan memastikan jamaah sentiasa muda dan bersemangat dengan idea-idea baru dan relevan dengan tuntutan zaman.

## 12. Bersyura

Bersyura' harus menjadi budaya dan amalan qiadah dan jundiyah agar kesatuan pemikiran, ukhuwah serta kesatuan cita-cita dapat diperhangat dari semasa ke semasa. Syura perlulah diperluaskan ke peringkat sewajarnya agar segala misi perjuangan serta keputusan2 dapat di mana dan diperjuangkan sebaiknya oleh jundi, dan diterjemahkan ke medan yang pelbagai.

## 13. Terbuka dan berjiwa besar

Qiadah juga harus mesra dalam melayani kritikan dan pandangan ahli, jundi dan orang di luar jamaah. ini penting

bagi melihat kita dari kaca mata orang lain dan menguji relevansi jamaah dan juga kepimpinan dalam perjuangan yang juga harus berjiwa besar dalam mendepani tohmahan, fitnah dan ancaman dalam perjuangan.

## 14. Berjiwa Murabbi

Qiadah biasanya datang dari kalangan mereka yang melalui susul galur dakwah dan tarbiah serta melalui pengalaman yang pelbagai bagi melayakkan dirinya mengetuai perjalanan iman, dan pengembaraan suci sebuah perjuangan menuju Allah bersama jundi yang ikhlas dan bersedia disusun atur dengan kepatuhan dan tsiqah yang tinggi kepada qiadah. Qiadah, dengan ini seharusnya berjiwa penuh kemurabbian menyentuh dan menyusun hati2 jundi menuju medan dengan kasih sayang dan warna warni pengarahannya menuju medan pertempuran yang sengit dengan penuh keimanan.

## Kesimpulan

Secara jujur, banyak organisasi dan jamaah yang hancur, bermasalah, berpecah kerana kegagalan dalam menguruskan konflik terutama antara qiadah dan jundiyah, atau sesama barisan qiadah yang berselisih. Ramai ahli yang kecewa dan akhirnya meninggalkan perjuangan yang dahulunya sangat suci dan penuh keimanan, akibat krisis dalam batasan qiadah dan jundiyah. Masih ramai juga yang masih "terjebak" dalam kebingungan memahami batasan sifat thiqah, taat, wala' dan seumpamanya yang harus dimiliki Jundi kepada Qiadahnya. Banyak perkara yang boleh dilakukan dengan hati yang tenang dalam menyingkap keperluan sebuah ketaatan, dan kemestian sebuah kebijaksanaan kepimpinan sebelum bahtera dirobek dan dihancurkan sehingga kesemua kebenaran dan kebatilan tenggelam kelemasan.

Karena sering kali sebagai Jundi, yang masih bertanya-tanya dengan keputusan yang diambil Qiadah, memerlukan sentuhan seorang atau para qiadah dalam semua keadaan. Namun dalam kepasrahan akhirnya jundi terkedu di muara "Sami'na Wa Atho'na".

*Dari 'Aisyah r.a. berkata:  
Rasulullah saw bersabda, "Siapa yang mengambil hak orang lain walau sejenkal tanah akan dikalungkan hingga tujuh petala bumi."*

*(Bukhari – Muslim)*



**S**esungguhnya Imam Syahid Hasan Al-Banna telah meninggalkan begitu banyak sekali taujih dan wasiat berkaitan dakwah dan tarbiah untuk umat ini secara umum dan untuk para pengikutnya secara khusus, di mana wasiat-wasiat itu telah menghidupkan kembali makna-makna yang telah mati, menghidupkan kembali bara perasaan yang padam, menghilangkan debu-debu yang menutupi nilai-nilai yang terungki serta menjelaskan kembali kefahaman-kefahaman yang telah hilang.

Bagai yang mengambil berat dan meneliti peninggalan beliau melalui penulisan yang berharga akan mendapati makna yang mendalam, jelas, berfaedah dan sangat praktikal.

Salah satu dari wasiat ringkas beliau telah diterbitkan dalam 'Surat Khabar Ikhwan Muslimin' pada 1 Disember 1936. Menggunakan ungkapan "Wahai saudaraku" menunjukkan seruan khusus kepada individu muslim. Ia juga menggambarkan betapa kuatnya perasaan dan sayang kepada pendukung-pendukung perjuangan ini. Begitulah sepatutnya hubungan di antara murabbi dan mutarabbinya.

Wasiat Mursyidul Am Imam Hasan al-Banna Rahimahullah:

1. Wahai saudaraku! Janganlah engkau hidup dengan tiada matlamat, sesungguhnya Allah tidak menciptakan kamu sia-sia dan Dia tidak akan membiarkan kamu begitu sahaja.
2. Wahai saudaraku! Jadikanlah Allah matlamatmu, dan dengarlah firman Allah swt:

(فَقُرُوا إِلَى اللَّهِ إِنِّي لَكُمْ مِنْهُ نَذِيرٌ مُّبِينٌ )

**Bermaksud: " Maka segeralah kembali kepada (mentaati) Allah. Sungguh , aku seorang pemberi peringatan yang jelas dari Allah utukmu ..."** (Surah al-Zariat:50)

3. Wahai saudaraku! Dalam kehidupan ini, engkau mengutamakan dua perkara, rezeki dan ajalmu, sedangkan tiada siapapun menguasainya selain Allah, maka jangan sekali tumpuanmu terhadap kedua-dua perkara itu menghalangmu dari beramal untuk kebenaran.
4. Wahai saudaraku! Umat ini hanya akan bangun dengan pengorbanan, dan tertegaknya dakwah ini dengan kesetiaan, jika kehidupanmu untuk umat ini, maka berkorbanlah di jalannya, dan jika engkau meyakini dakwahmu, maka bersungguh-sungguhlah kamu untuk setia padanya.

5. Wahai saudaraku! Janganlah berkata perkara yang tidak engkau lakukan, dan jangan sekali-kali engkau tertipu dengan sangkaan manusia, bahawa engkau seorang yang beramal, namun yang menjadi tumpuanmu ialah, kebenaran amalmu diketahui oleh Allah, kerana sesungguhnya manusia tidak akan menyelamatkanmu dari seksaan Allah walaupun sedikit.
6. Wahai saudaraku! Tiada teman dapat menolongmu selepas dari kehidupan di dunia ini, hanya satu sahaja teman yang memberi manfaat dalam kehidupanmu serta sentiasa bersama-samamu di akhirat, iaitu amal soleh, maka jadikanlah ia temanmu dalam semua keadaan, dan ingatlah firman Allah swt;

(يَا أَيُّهَا الرُّسُلُ كُلُّوا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَاعْمَلُوا صَالِحًا إِنِّي بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ )

**"Wahai para rasul! Makanlah dari (makanan) yang baik-baik, dan kerjakanlah kebajikan. Sungguh, Aku Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan"** (Surah al-Mukminun:51)

7. Wahai saudaraku! Hatimu adalah tempat penglihatan Allah padamu, maka awasilah agar ia tidak cemari oleh permusuhan, sesungguhnya ia menjadi hijab di dunia dan mengundang azab di Akhirat:

(يَوْمَ لَا يَنْفَعُ مَالٌ وَلَا بَنُونَ \* إِلَّا مَنْ أَتَى اللَّهَ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ )

**Bermaksud: " (yaitu) pada hari (ketika) harta dan anak-anak tidak berguna, kecuali orang-orang yang menghadap Allah dengan hati yang bersih." ( Surah al-Syu'ara:88-89)**

8. Wahai saudaraku! Usahalah untuk mengimani fikrahmu sehingga cita-cita dan amalanmu tunduk kepadanya, dan dengar firman Allah ini;

(يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ )

**Bermaksud: " Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah, dan bersamalah kamu enggan orang-orang yang benar."** (Surah al-Taubah:119)

9. Wahai saudaraku! Saya percaya kamu berkerja untuk dua tujuan, mendapatkan natijah dan melaksanakan kewajipan, jika kamu tidak mencapai yang pertama maka jangan sekali-kali luput darimu yang kedua.

(قَالُوا مَغْدِرَةٌ إِلَى رَبِّكُمْ وَلَعَلَّهُمْ يَسْتَفْهِنُونَ )



## Di antara Arahan Imam Al-Banna Kepada Anggota Ikhwan




Anda hendaklah bersikap pemalu dan sensitif, amat peka dengan perkara yang baik dan yang tidak baik. Gembira melihat yang baik dan sedih melihat yang tidak baik. Anda juga hendaklah bersikap merendah diri tetapi bukan menghina diri

atau mengampu. Jika apa yang anda minta itu lebih rendah daripada kedudukan anda nescaya apa yang anda minta itu pasti akan tercapai.



Anda hendaklah bergiat cergas dan terlatih untuk berkhidmat kepada masyarakat. Anda perlu merasa seronok dan gembira jika anda mampu memberikan sesuatu khidmat kepada orang lain. Anda hendaklah melawat orang sakit, membantu mereka yang memerlukan bantuan,

orang yang lemah dan orang yang ditimpa malapetaka walaupun sekadar mengucapkan kata-kata yang baik. Sentiasalah berusaha untuk melakukan kebaikan.



Anda hendaklah bersikap adil dan mampu memberikan keputusan yang betul dalam semua keadaan. Janganlah kerana kemarahan anda melupakan kebaikan dan jangan juga anda meleupakan mata melihat keburukan. Janganlah kerana persengketaan, anda melupakan nilai-nilai murni. Nyatakanlah kebenaran walaupun kepada diri anda sendiri atau kepada orang yang paling hampir dengan anda, walaupun ia pahit.



Anda hendaklah mempunyai hati yang penyayang, pemurah dan pemaaf, sedia memaafkan, melayan dengan baik dan bersabar dengan manusia dan haiwan. Anda hendaklah memberikan layan yang baik kepada semua manusia. Anda

hendaklah memelihara adab-adab pergaulan dalam Islam. Dengan ini bermakna anda perlu mengasihi anak-anak kecil, menghormati orang tua, memberikan orang lain ruang untuk duduk dalam majlis. Janganlah anda mengintip, mengumpat dan mengangkat suara. Minta izinlah ketika ingin masuk dan keluar. Begitulah seterusnya.

**Bermaksud:** “ ... Mereka menjawab, “Agar kami mempunyai alasan (lepas tanggungjawab) kepada Tuhanmu, dan agar mereka bertaqwa.” (Surah al-‘Araf:164)

10. Wahai saudaraku! Mati itu satu kepastian, maka jadikanlah ia di jalan Allah swt, mati dalam kebenaran itu sendiri adalah kehidupan, sesungguhnya hari kematianmu sebagai syahid menjadikanmu pemilik kemuliaan, ganjaran, kekal dan kehidupan, di waktu itu engkau tidak rugi sedikitpun selama-lamanya. Allah swt

berfirman:

(وَلَا تَحْسَبَنَّ الَّذِينَ قُتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمْوَاتًا بَلْ أَحْيَاءٌ عِنْدَ رَبِّهِمْ يُرْزَقُونَ)

**Bermaksud:** “ Dan jangan sekali-kali kamu mengira bahawa orang-orang yang gugur di jalan Allah itu mati; sebenarnya mereka itu hidup, di sisi Tuhannya mendapat rezeki,” (Surah al-Imran: 169)

# Menyemai dakwah di medan baru

Allah s.w.t. berfirman :

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا وَقَالَ إِنَّي مِنَ الْمُسْلِمِينَ

*Dan tidak ada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada (mengesakan dan mematuhi perintah) Allah, serta dia sendiri mengerjakan amal yang soleh, sambil berkata: Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang Islam (yang berserah bulat-bulat kepada Allah)! (Surah Fussilat:33)*

Lagi firman Allah swt :

قُلْ هَدِيَهُ سَبِيلِي أَدْعُوا إِلَى اللَّهِ عَلَى بَصِيرَةٍ أَنَا وَمَنِ اتَّبَعَنِي وَسُبْحَانَ اللَّهِ وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ

*Katakanlah (wahai Muhammad): "Inilah jalanku dan orang-orang yang menurutku, menyeru manusia umumnya kepada agama Allah dengan berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas nyata. Dan aku menegaskan: Maha suci Allah (dari segala iktiqad dan perbuatan syirik); dan bukanlah aku dari golongan yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain." (Surah Yusuf: 108)*

Di dalam hadis, Nabi Muhammad s.a.w. telah berkata kepada Muadz ketika mengutusnyanya ke Yaman untuk mengajarkan agama:

**“ Jika Allah swt memberi hidayah kepada seorang lelaki dengan sebab mu, ia pasti lebih baik untukmu dari dunia dan segala isinya.”  
Hadis riwayat Ahmad di dalam Musnadnya.**

Tidak diragukan lagi bahawa sesungguhnya menyeru manusia kepada Allah swt merupakan kemuliaan yang agung dan kelebihan yang besar, bahkan bertambahlah besar kelebihan dan kemuliaannya jika ia dilaksanakan di tempat yang dakwah belum lagi sampai, justeru kemuliaan menjadi

pembuka dakwah yang awal adalah lebih besar dari sudut kelebihan dan ganjaran pahala. Siapa yang dikurniakan oleh Allah swt menjadi sebab kepada tersebarnya dakwah dan menjadi pengasasnya di kampung dan persekitaran yang baru nescaya baginya pahala yang amat banyak, ini kerana orang yang pertama menyebarkan kebenaran seumpama orang yang pertama menerima kebenaran. Sebab itulah al-Quran menegaskan mengenai kelebihan golongan al-Sabiqun al-Awwalun seperti dalam firman Allah swt;

وَالسَّابِقُونَ السَّابِقُونَ أُولَئِكَ مِنْ الْمُهَجْرِينَ وَالْأَنْصَارِ وَالَّذِينَ اتَّبَعُوهُمْ بِإِحْسَانٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ وَأَعَدَّ لَهُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا ذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ

*Dan orang-orang yang terdahulu yang mula-mula (berhijrah dan memberi bantuan) dari orang-orang “Muhajirin” dan “Ansar” dan orang-orang yang menurut (jejak langkah) mereka dengan kebaikan (iman dan taat), Allah reda akan mereka dan mereka pula reda akan Dia, serta Dia menyediakan untuk mereka Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya; itulah kemenangan yang besar. (Surah al-Taubah:100)*

## Bagaimana Membuka Medan Dakwah di Tempat Yang Baharu?

**Pertama** : Selepas memohon bantuan dari Allah swt dalam perkara ini, maka mestilah dimasukkan perkara ini dalam perancangan dakwah kita. Kita tidak boleh membiarkan urusan ini berlaku secara spontan, tiba-tiba atau tidak dirancang, atau berlaku mengikut keadaan. Sebenarnya melakukan perancangan dakwah itu merupakan sebahagian dari ubudiah kita kepada Allah swt. Apabila kita merancang maka pastilah kita perlu menentukan apa yang kita inginkan? Bagaimana kita boleh merealisasikan kehendak kita itu?

Siapakah yang akan melaksanakan tugas dan kerja-kerja tersebut? Bilakah ia mula dilaksanakan? Apakah keperluan-keperluan fizikal untuk itu? Dan lain-lain lagi.

**Kedua :** Tentukan dengan pasti kedudukan kariah yang ingin kita mulakan amal, perkara ini termasuk dalam basiroh terhadap biah dakwah, maka kita perlu mengetahui bilangan penduduknya?, nisbah orang Islam dan sebaliknya? bilangan sekolah? Berapa bilangan masjid? Adakah terdapat di kampung itu mahasiswa yang belajar di IPT? Adakah di situ sekolah-sekolah agama atau pondok? Sejauh manakah penduduknya beriltizam dengan Islam? Apakah pekerjaan penduduk setempat? Adakah di situ terdapat tokoh-tokoh, orang besar serta pemimpin dan siapakah mereka? Adakah di situ terdapat guru-guru, para ulama dan siapa mereka? Adakah wujud kecenderungan islami yang lain dan apakah dia? Adakah sifat asobiyah wujud dalam kalangan penduduknya? Dan lain-lain maklumat yang boleh membantu kita memasuki sesuatu kampung dengan pendekatan yang betul dan sejahtera.

**Ketiga:** Tanggungjawab membuka kawasan baru ini ditugaskan kepada ikhwah yang tinggal paling hampir dengan kampung atau bandar tersebut. Mereka hendaklah mengumpul segala maklumat yang dinyatakan tadi. Projek ini hendaklah diletakkan secara langsung di bawah seliaan daerah. JKD hendaklah memantau individu-individu yang ditaklifkan untuk membangun dakwah di kampung jiran tersebut, bahkan membantu segala keperluan mereka dari sudut teknikal dan harta (kewangan).

**Keempat :** Yang terbaik kita mestilah mengkaji titik-titik tolak yang penting di kampung tersebut atau dinamakan 'anak kunci untuk masuk'. Perkara ini sangatlah penting untuk dakwah sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. dalam kedua-dua Bai'ah 'Aqabah, demikian juga telah dilakukan oleh Mus'ab bin 'Umair ra. tatkala beliau pergi ke Madinah. Titik tolak atau anak kunci ini mungkin berbentuk; saudara-mara kepada salah seorang dari ikhwah kita di

kampung itu, atau teman sekerja kepada salah seorang ikhwah kita, atau teman sepengajian kita di universiti satu masa dahulu, atau ibubapa dan penjaga yang menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah kita dan berbagai lagi bentuk-bentuk anak kunci yang membuka medan dakwah.

**Kelima:** Di antara langkah penting dan berkesan adalah dengan adanya sekumpulan ikhwah yang melakukan jaulah dakwah dan aktiviti kemasyarakatan, di mana kita menonjolkan ikhwah kita dari kampung yang berjiran dengan memperkenalkannya kepada penduduk di situ. Melalui jaulah ini juga kita boleh mengetahui waqi' sebenar tentang pintu-pintu amal yang sesuai seperti masjid, sekolah dan lainnya. Kita juga dapat membina hubungan secara umum dengan beberapa individu di kampung itu sebagai pintu untuk mewujudkan asas Rabtul Am di masa akan datang.

Keseluruhan jaulah ini adalah dari perancangan dan penyusunan JKD dengan memanfaatkan pendakwah-pendakwah terkenal, para doktor masyhur, tokoh guru cemerlang dan lain-lain lagi. Jangan sekali-kali kita lupa tentang peranan ikhwah dari kampung jiran yang telah ditugaskan. Peranan mereka dalam jaulah ini mestilah kuat dan menonjol agar mereka dapat berulang alik ke kampung itu secara tabi'ie melalui rangkaian hubungan yang telah dibina.


**Keenam:** Di antara langkah penting yang boleh dilaksanakan pada waktu yang sama ia itu dengan mengkaji secara teliti siswa ataupun siswi yang sedang menuntut di IPT dari kalangan anak kampung. Di manakah mereka menyambung pelajaran? Bagaimana kita boleh mensasarkan dakwah terhadap mereka melalui dakwah fardiyyah. Proses ini sangat penting di mana jika kita mampu mendakwah mahasiswa dari penduduk kampung, kelak mereka akan menjadi pekerja dan penggerak yang kuat dalam membuka dan memantapkan dakwah di situ. Insya-Allah.

Bersambung di siri akan datang

إن شاء الله تعالى

## **Hasan al-Banna Adalah Model Tarbiah Wasatiyah**

Di antara perkara yang patut kita ingat dan memperingatkan: " Tarbiah wasatiyahlah yang telah membezakan Imam Hasan al-Banna dan madrasahnyanya, sesungguhnya kami telah jelaskan perkara ini dalam buku kami 'Tarbiah Islamiah dan Madrasah Al-Banna'. Jika umat Islam merupakan pertengahan di kalangan berbagai umat dan agama, Ahli Sunnah pula merupakan pertengahan di kalangan berbagai kumpulan, maka Ikhwan adalah pertengahan di kalangan jamaah-jamaah. Mereka mengimbangi antara akal dan perasaan, antara kebendaan dan kerohanian, antara teori dan praktikal, antara individu dan masyarakat, antara syura dan ketaatan, antara hak dan kewajipan dan di antara lama dan baharu...." Dr. Yusuf al-Qardhawi.



## APA ERTI PENGGABUNGAN SAYA DENGAN DAKWAH



Kali ini saya ingin membawa pembaca sekalian meneliti sepintas lalu buku terjemahan terkini yang ditulis oleh Ustaz Muhammad Abduh. Ia merupakan siri tulisan tentang fiqh dakwah yang perlu dimiliki oleh semua pencinta dakwah mulia ini. Buku pertama dalam bab ini ditulis oleh Almarhum Dr Fathi Yakan bertajuk: ( *ماذا يعني إيماني للإسلام* ) yang diterjemahkan sebagai 'Apa Erti Saya Menganut Islam' terjemahan Ustaz Alias Othman.

Buku Dr Fathi Yakan membahaskan indikator dan bukti secara umum bagi intima' kepada Islam. Ia adalah indikator utama yang mesti dimiliki oleh semua orang Islam sama ada yang berintima' dalam saff Islam dan bekerja bersamanya atau selain mereka di kalangan yang ingin beriltizam dengan Islam sebagai manhaj kehidupan.

Buku ini menerangkan bidang-bidang atau skop berkaitan intima' yang mesti dipelihara oleh pendokong dakwah. Mereka tidak sepatutnya melebihkan sebahagian dan meremehkan sebahagian yang lain. Di sana ada tiga bidang utama bagi intima' yang benar:

### Intima' hati dan perasaan terhadap dakwah:

laitu hati-hati pendakwah bertaut dengan dakwah mereka kerana ia adalah dakwah Allah. Dengan itu keprihatinan mereka terhadap dakwah dan pertautan hati mereka dengannya bukan kerana taksab, akan tetapi sebagai ketaatan dan ibadat. Intima' perasaan terhadap dakwah menjadikan pendakwah tersebut kasih kepada dakwah mereka dan sentiasa bimbang sesuatu musibah berlaku kepadanya, merasa bahagia berjalan pada jalannya sekalipun ( *أَذْيَةٌ عَلَيَّ* ) (menghadapi kesusahan, kasih kepada saudara-saudaranya pada jalan ini kasih kepada kepimpinan mereka, menghormati dan tsiqah dengan mereka ( *أَلْ مُؤْمِنِينَ* ), serta merasa bangga dengan manhaj dan jalan mereka. Orang yang kasih terhadap dakwah dan terikat dengannya melalui hati dan perasaan kamu lihat dia tidak bercakap kecuali berkenaan dakwah, tidak marah kecuali kerana dakwah, tidak bergembira kecuali kerana dakwah, tidak takut kecuali ke atas dakwah. Jika sesuatu musibah mengenai saudaranya atau pimpinannya dihindangi kelemahan atau dirempuh oleh masalah, dia akan menjadi mengganggu tidur dan jaganya seraya berdoa di dalam qiam dan sujudnya agar Allah mem-

beri ilham terbaik dan dihindari segala dukacita. Semua itu adalah bukti intima' perasaannya.

### Intima' dari segi akal dan pemikiran:

laitu bermakna dia menguasai manhaj dakwahnya, menyelami erti asas, kaedah dan prinsipnya. Mengetahui batasan fikrah dan uslub dakwahnya serta kekeliruan yang disebarkan berkenaan dakwahnya dan mampu untuk menolak dan menghilangkan kekeliruan tersebut. Mengetahui juga tentang kemampuan manhaj dakwahnya melakukan islah dan taghyir di atas asas bahawa ia adalah manhaj tulen yang telah dilalui oleh Nabi Muhammad SAW. Merasa mulia berintima' dengan fikrahnya yang syumul, sederhana dan bersifat rabbani dan hendaklah dia berpegang kepada prinsip fikrahnya sahaja. Semua itu adalah indikator dan tuntutan intima' yang sebenar kepada dakwah kerana fikrah itu tidak akan berjaya melainkan apabila pendokongnya penuh yakin dengannya, seperti kata-kata Imam Al-Banna di dalam risalah kepada pemuda: "Fikrah itu akan berjaya apabila memiliki kekuatan iman, keikhlasan pada jalannya dan semangat yang berkobar-kobar baginya serta didapati kesediaan untuk berkorban dan bekerja untuk merealisasikan isikannya".

### Intima' dari segi tanzim dan gerakan:

Intima' dari segi tanzim bermakna saya hendaklah beriltizam dengan institusi dakwah yang rasmi, prihatin terhadap disiplinnya, memelihara kaedah, sistem dan adab-adab bekerja untuk Islam, memenuhi tuntutan baiha saya terhadap dakwah saya dengan cara saya melaksanakan rukun-rukun dan saya beriltizam dengan kewajipan-kewajipan yang terkandung di dalam baiha berupa janji setia, adab, tingkah laku dan pengorbanan sebagai sebahagian usaha taqarub kepada tuhan, agama dan dakwah saya. Intima' dari segi gerakan pula bermakna saya beriltizam pada gerak kerja saya mengikut kaedah dakwah dan batasan fikrah saya. Saya juga hendaklah bergerak untuk kepentingan dakwah ini. Saya tidak boleh berdiam diri dari bangun membantu, berkorban pada jalannya dengan menyebarkan, mengangkat dan memantapkan gerakannya. Maka tidak boleh diterima sama sekali bahawa saya berintima' dengan dakwah secara rasmi sedang realiti gerak kerja saya lemah, tidak sesuai dengan kemuliaan intima' ini.

-----والحمد لله رب العالمين-----




# MANHAJ ISLAH DAN PERUBAHAN

Oleh: Dr. Abdurrahman Al-Mursy Ramadhan

Dalam misi IKRAM dengan jelas dinyatakan bahawa, IKRAM perlu memimpin perubahan masyarakat dan negara. Perubahan itu mestilah melalui Manhaj Taghyir yang tepat. Buku ini merupakan jawapan kepada persoalan “Apakah yang dimaksudkan dengan manhaj perubahan yang tepat itu?” Insya-Allah.

Kajian ini merupakan pandangan yang jelas dan menyeluruh mengenai konsep islah dan perubahan serta cara mencapai matlamat. Di dalamnya terdapat jawapan kepada berbagai persoalan dan permasalahan yang diperdebatkan dan telah menimbulkan perbezaan pendapat. Ia merupakan langkah yang serius untuk menjelaskan konsep dakwah Ikhwan Muslimin. Ia menambahkan lagi koleksi rujukan serta satu usaha menghilangkan syubhat berkaitan jamaah ini.

Kajian ini berdasarkan risalah-risalah Imam al-Syahid Hasan al-Banna, terdiri dari pengulangan dari kata-kata Imam al-Syahid di beberapa bab dan fasal. Pengarang juga telah menghimpunkan kata-katanya yang terpisah-pisah ke dalam satu judul, agar pembaca dapat memahami pandangannya yang komprehensif dan tidak dari sudut yang sempit. Kita dapat melihat kesan kefahamannya yang mendalam terhadap al-Quran dan al-Hadis, yang telah menjadi asas kepada




pandangannya berkaitan islah dan perubahan.

Pengarang juga mengambil tulisan sebahagian murid-muridnya, agar lebih jelas dan terperinci idea yang ingin diketengahkan. Selain itu, dimuatkan juga pengalaman-pengalaman berharga di medan dalam merealisasikan konsep islah yang dipelopori oleh Imam al-Banna, sebagai jundi dan sebagai qiadah dalam jamaah Ikhwan Muslimin. Penulis dengan tegasnya mengatakan bahawa semakin hari semakin yakin dengan kesahihan manhaj islah dan taghyir ini.

Buku ini memberikan fokus kepada tiga aspek utama:

1. Asas dakwah, tujuan, mekanisme perubahan dan kemenangan.
2. Menjelaskan Rukun Amal, yang merangkumi penjelasan terhadap matlamat dan tahap-tahapnya.
3. Menjelaskan beberapa polisi dan pendirian jamaah, serta menjawab beberapa persoalan yang ditimbulkan.

Buku ini adalah hasil ijtihad penulis, maka metodologi islah dan perubahan itu mestilah bersesuaian dengan realiti semasa dan setempat.



**Penerbit:** Risalah Harmoni Sdn Bhd  
**Penulis:** Syed Mohd Radhi Syed Sakkaf, Khubaib Muhamad Asmadi, Muharman Bachtiar  
**Cetakan Pertama:** April 2015  
**Mukasurat:** 97  
**ISBN:** 978-967-13024-7-7  
<http://risalahharmoni.com/>

“Iraq Dalam Bahaya” adalah sebuah seruan agar dunia terjaga untuk membela Iraq. Seterusnya meluaskan kesedaran ini, agar suara Iraq dapat didengari oleh seluruh warga Iraq. Iraq Dalam Bahaya adalah sebuah gesaan, agar dunia bertindak. Atas kapasiti yang ada, berikan satu solusi dan usaha untuk kebebasan Iraq. Sejak 100 tahun yang lalu dari era Syareef Al- Hussein sehinggalah era Haidir Al-Abadi kini, warga Iraq menderita krisis berpanjangan.

Pembahasan buku ini dimulakan dengan dinamika sejarah moden Iraq teretus pada Perang Dunia Pertama, berkembang dengan revolusi 1920 atau At-Thaurah Al-‘Isyreen diikuti dengan siri revolusi-revolusi lain.

Pembentukan Republik Iraq, Perang Iraq Iran, Perang Teluk dan peristiwa 11 September 2001 adalah sebahagian dari titik-titik hitam rentetan krisis di Iraq. Nuri Al-Maliki antara nama yang disebut-sebut dalam buku ini, berkaitan dengan jenayah-jenayah yang dilakukannya terhadap rakyat Iraq bukan sahaja sewaktu memegang kuasa politik tertinggi di Iraq bahkan sejak tahun 80-an lagi ketika menjadi anggota kumpulan pengganas di Iraq.

Terbaru adalah kemunculan ISIS yang membunuh orang awam menambahkan derita pada luka lama Iraq yang belum sembuh. Buku ini disertakan terjemahan teks fatwa-fatwa dari Kesatuan Ulama’ Sedunia berkenaan krisis kemanusiaan di Iraq.



Sallawahu Mohd Salleh  
Naib Ketua Wanita 2 & Ketua Unit Tarbiyah Wanita IKRAM Pusat

## MENDEKATI & MERUBAH MASYARAKAT



Membawa perubahan, merupakan suatu yang mencabar. Membawa perubahan bermakna mengubah dari zon selesa ke zon yang bukan kebiasaan. Membawa perubahan mengurus masa dan tenaga malah mungkin menggugat keikhlasan kerana ia melibatkan masa yang panjang.

Justeru, kemahiran amat diperlukan bagi setiap individu agar proses perubahan berjalan dengan berkesan dan tepat. Antara kemahiran tersebut adalah :

### 1 Keterampilan Peribadi

Perubahan masyarakat bermula dari dalam diri individu dan yang ingin diubah.

**“Sesungguhnya Allah tidak mengubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka mengubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri.” (Ar-Ra’du : 11)**

Ketika manusia ingin berubah menjadi lebih baik, antara perkara utama dan pertama yang harus dilakukan adalah memiliki konsep diri yang positif. Individu yang memiliki konsep diri positif akan memiliki persepsi yang positif, memberi impak terhadap tingginya tahap percaya diri dan seterusnya mampu mengoptimumkan potensi diri yang dimiliki.

Untuk berjaya dalam mengubah masyarakat tentulah tidak memadai hanya memiliki konsep diri yang positif. Maka menjadi syarat utama berjaya adalah melengkapkan diri dengan pengurusan diri secara efektif. Pengurusan

diri dimulakan dengan menetapkan visi dan misi serta langkah-langkah yang harus diambil bagi mencapai tujuan tersebut.

Malah apabila visi dan misi telah digariskan, pengurusan masa adalah suatu yang tidak kurang pentingnya bagi memastikan pelaksanaan langkah lebih efektif dan efisien. Tanpa mengabaikan menyusun skala keutamaan bagi setiap langkah pelaksanaan misi.

Keterampilan peribadi tidak akan sempurna tanpa kekukuhan, kekuatan dan kematangan secara maknawiah, fikriah, da’awiah dan jasadiyah. Inilah individu yang memiliki ketajaman ruhiah, kejernihan jiwa, keluasan ilmu pengetahuan, berwawasan global dan kekuatan melaksanakan keilmuannya dalam realiti kehidupan.

Merekalah yang mampu thabat dan istiqamah. Merekalah peribadi yang memiliki kebugaran tubuh sehingga mampu memikul amanah membawa perubahan dengan penuh bertenaga dan dinamik. Tidak kenal erti penat, lelah dan lesu dalam menyahut nida’ dakwah (panggilan atau seruan ber-dakwah melakukan perubahan)

**“Dan berapa banyak nabi yang berperang bersama-sama mereka sejumlah besar dari pengikut (nya) yang bertakwa. Mereka tidak menjadi lemah kerana bencana yang menimpa mereka di jalan Allah dan tidak lesu dan tidak pula menyerah (kepada musuh), Allah menyukai orang-orang yang sabar. (Al Imran : 146)**

### 2 Kemahiran Interaksi Sesama Sepasukan

Agenda membawa perubahan dalam masyarakat merupakan suatu tugas yang besar dan sukar. Oleh itu, setiap individu yang terlibat dengan agenda ini harus memiliki kekuatan pasukan yang mantap. Pasukan yang dilandasi oleh sikap ikhlas, saling terbuka harmoni dan sinergi.

Tugas yang berat dan sukar terasa ringan apabila wujud suasana kerja yang kondusif dan nyaman, keadaan yang saling membantu, semua anggota yang memahami tugas, tanggungjawab dan peranannya.

Kejayaan sebagai pelopor perubahan menuntut individu yang berada di dalam pasukan memiliki beberapa ciri berikut

1. Meyakini hasil kerja bersama lebih baik dari hasil kerja sendirian
2. Meyakini proses kerja bersama lebih menguntungkan.
3. Mengetahui tujuan bersama
4. Bersedia untuk sukses bersama
5. Memberikan sumbangan usaha tenaga kepada pasukan.(Proaktif, bukan sekadar pelengkap kepada pasukan sehingga menanti disusun atau diberi tugas)
6. Mencintai anggota pasukan kerana Allah. (Hubungan berlandaskan cinta bukan kerana tanggungjawab – mas’uliyah semata)

7. Menerima kekurangan anggota pasukan
8. Menerima hasil kerja bersama (walau apapun hasilnya)
9. Membuka diri untuk diberi dan memberi input
10. Bersedia membantu anggota pasukan untuk meningkatkan kemampuannya
11. Tidak saling menyalahkan ketika menjadi sebab ketidakberhasilan dalam kerja pasukan

Penilaian program bersama (bukan penilaian personal dan peribadi). Sesungguhnya, setiap anggota pasukan adalah ibarat batu bata yang kukuh, saling memperkuat bagi menghasilkan perubahan dalam masyarakat dan Negara

**“Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berperang di jalan Nya dalam barisan yang teratur seakan-akan mereka seperti suatu bangunan yang tersusun kukuh.” (As-Saff : 4)**

### 3 Kemahiran Interaksi Dengan Masyarakat

Masyarakat merupakan sasaran perubahan. Maka wajar kita mempersiapkan diri dengan beberapa kemahiran dalam berinteraksi dengan masyarakat itu sendiri. Kegagalan sebuah gagasan atau perubahan adakalanya bukan di peringkat perancangan tetapi pada peringkat pelaksanaannya. Kita mungkin memiliki gagasan yang bagus namun jika kita tidak memiliki kemahiran menyampaikannya dengan baik pada masyarakat, gagasan itu hanya tinggal gagasan yang tidak mungkin dilaksanakan. Maka Allah telah mengisyaratkan di dalam firman Nya :

**“Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan mu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhan mu Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalanNya dan**

**Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk.” (an Nahl :125)**

Kemahiran yang di kategorikan sebagai kemahiran interaksi dengan masyarakat antara lain adalah :

#### 1. Pengucapan Awam

- Tujuan pengucapan adalah menyampaikan pesanan, sehingga ketika berbicara perlu diperhatikan situasi dan keragaman para pendengar agar pesanan dapat diterima dengan sebaik-baiknya.
- Seni pengucapan awam bukan hanya untuk para mubaligh, penceramah umum atau berjawatan. Ia harus dikuasai oleh semua para penyeru perubahan agar ia mampu meningkatkan kepercayaan diri juga kepercayaan masyarakat umum. Malah dapat mempengaruhi objek yang diseru secara efektif.

#### 2. Teknik melobi dan berunding

- Perjanjian Hudaibiah adalah hasil rundingan paling cemerlang dan bijak sepanjang sejarah perjuangan Rasulullah SAW. Perjanjian ini telah menjadikan Islam dapat terus disebar luas dalam suasana penuh damai tanpa perlu merosakkan identiti akidah dan nilai yang telah tertanam dalam diri umat Islam.
- Rundingan merupakan “jihad di meja perundingan” yang melibatkan pihak-pihak yang berkepentingan untuk mencari muafakat. Amat diperlukan kemahiran berunding yang baik agar proses tawar-menawar mendapat hasil yang diterima semua pihak.
- Rundingan tidak semestinya selesai dalam tempoh sekali pertemuan. Kompromi dalam hal-hal yang kecil adalah dibenarkan dengan tetap memfokuskan sasaran utama kita : “Menyebarkan Islam yang rahmatan lil ‘alamin”

#### 3. Kemahiran Menjual (selling skill)

- Kemampuan melakukan ‘jualan

langsung’ memerlukan konsep pemasaran, menguasai “soft skill” seperti kemahiran komunikasi, melobi, berunding, menjual dan juga penguasaan “product knowledge” yang memadai. Kemahiran menjual diperlukan dalam proses melakukan “Rabtul Am”

- Latihan Kemahiran Menjual harus dibuat secara praktikal di medan. Hasilnya mesti di mutabaah. Malah mutabaah mesti dilakukan serentak dengan mutabaah amal fardhi.

#### 4. Kempen Mengoptimumkan Media

- Kempen politik biasanya akan berhenti selepas proses pemilihan. Ini menyebabkan parti tersebut tidak melekat dengan diri pengundinya sehingga memberi kesan tidak setia dengan parti tersebut.
- Belajar dari kesalahan ini, penyeru perubahan harus melaksanakan kempen media secara berterusan sehingga berlaku perubahan dalam masyarakat. Malah ia tetap berlangsung agar melahirkan masyarakat yang mempunyai sifat yang dikehendaki.
- Pelbagai slogan dan tema boleh dimanfaatkan untuk semua bentuk media.

Kesimpulannya, mencetus dan merubah masyarakat merupakan sebahagian dari risalah dakwah. Berhadapan dengan masyarakat yang pelbagai agama, bangsa dan budaya menuntut kemahiran yang bukan sedikit. Yang tercatat di atas adalah sebahagian daripadanya. Para penyeru perubahan harus terus mempelajari dan mengimplementasikan kemahiran-kemahiran agar dapat menyampaikan risalah dengan lebih berkesan dan tepat.

Hikmah adalah sesuatu yang hilang dari diri orang muslim. Di mana pun mereka menemukannya, maka orang muslim adalah orang yang paling berhak untuk mengambilnya.



Ustazah Maznah Daud,  
Mantan Ketua Wanita IKRAM Pusat

## SYARAT-SYARAT KEMENANGAN

Semua insan mahukan kemenangan. Tidak terkecuali insan yang beriman. Khabar kemenangan disambut penuh kegembiraan dan kesyukuran. Manakala kekalahan disambut dengan rasa keciwa, duka, hiba dan nestapa.

dan diimpikan itu adakah berlaku secara tiba-tiba; tanpa sebab, tanpa syarat, tanpa peraturan atau sunnah yang tetap?

Allah s.w.t. menegaskan di dalam

**pertolongan yang membawa kemenangan itu hanya dari Allah Yang Maha kuasa, lagi Maha Bijaksana.” (Aali ‘Imran:126)**

Meneliti beberapa ayat yang berkaitan dengan pertolongan Allah yang membawa kepada kemenangan, kita dapati kemenangan akan terlaksana apabila mukmin memenuhi dua syarat yang utama, iaitu:



photo : Vincent Thian™

Perasaan gembira menyambut kemenangan digambarkan oleh Allah di dalam firmanNya yang bermaksud:

**“dan pada ketika itu, orang-orang yang beriman akan bergembira; Dengan kemenangan yang diberi Allah. Dia memberi kemenangan kepada sesiapa yang dikehendakiNya dan Dialah jua Yang Maha Kuasa, lagi Maha Mengasihani.” (Ar-Rum:4, 5)**

Namun, kemenangan yang diharap

beberapa ayat bahawa kemenangan itu datang dari sisiNya dengan syarat-syarat tertentu mengikut peraturan dan sunnah yang tetap. Dia yang menentukan bilakah terlaksananya kemenangan, di mana, bagaimana dan di tangan siapa. Mukmin hanya wajib berusaha memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dengan jelas dan terperinci di dalam al-Quran dan as-Sunnah serta dijelmakan di dalam sirah Rasulullah s.a.w. dan nabi-nabi sebelumnya. Firman Allah Ta’ala bermaksud:

**“dan (ingatlah bahawa)**

### 1 Iman

Syarat pertama dan yang paling penting ialah beriman kepada Allah dengan sebenar-benar iman. Iman yang membuahkan amal, melaksanakan apa yang disuruh, menjauhi apa yang dilarang, sentiasa berusaha sehabis daya di dalam mencari redhaNya.

Sesungguhnya iman bukan sekadar dakwaan. Iman yang hakiki dapat disaksikan manifestasinya pada diri, akhlak dan peribadi. Firman Allah Ta’ala bermaksud:

**“Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu (yang sempurna imannya) ialah mereka yang apabila disebut nama Allah gemetarlah hati mereka; dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayatNya, menjadikan mereka bertambah iman, dan kepada Tuhan mereka jualah mereka berserah.**

laitu orang-orang yang mendirikan solat dan yang menginfakkan sebahagian dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka.

**Merekalah orang-orang yang beriman dengan sebenar-benarnya. Mereka akan mendapat pangkat-pangkat yang tinggi di sisi Tuhan mereka dan keampunan serta limpah kurnia yang mulia (di Syurga).” (Al-Anfal:2,3,4)**

**“Sesungguhnya orang-orang yang sebenar-benarnya beriman hanyalah orang-orang yang percaya kepada Allah dan RasulNya, kemudian mereka (terus percaya dengan) tidak ragu-ragu lagi, serta mereka berjuang dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah; mereka itulah orang-orang yang benar (pengakuan imannya).” (Al-Hujurat:15)**

Apabila telah terpahat iman yang hakiki maka janji Allah tidak pernah dimungkiri.

**“dan sememangnya adalah menjadi tanggungjawab Kami menolong orang-orang yang beriman.” (Ar-Rum:47)**

“Dan demi sesungguhnya! Telah ada semenjak dahulu lagi, ketetapan Kami, bagi hamba-hamba Kami yang diutus menjadi Rasul -

Bahawa sesungguhnya merekalah orang-orang yang diberikan pertolongan mencapai kemenangan

**Dan bahawasanya tentera Kami (pengikut-pengikut Rasul), merekalah orang-orang yang mengalahkan (golongan yang menentang kebenaran).” (As-Soffat:172,172,173)**

**“Sesungguhnya Kami tetap membela serta mempertahankan Rasul-rasul Kami dan orang-orang yang beriman - dalam kehidupan dunia ini dan pada saat bangkitnya saksi-saksi (pada hari kiamat)” (Ghafir:51)**

## 2 I'dad atau persediaan

Syarat yang kedua ialah persiapan. Apa yang perlu dipersiapkan?

Allah perintahkan mukmin membuat persiapan sebagaimana yang dinyatakan di dalam firmanNya yang bermaksud:

**“Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedang Allah mengetahuinya. Dan apa sahaja yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu, dan kamu tidak akan dianiaya.” (Al-Anfal:60)**

Ayat ini merupakan satu perintah. Dan perintah membawa makna wajib. Dan yang wajib dipersiapkan bukan sampai menyamai kekuatan pihak lawan. Sebaliknya mukmin dituntut membuat persiapan apa yang termampu (mastato'tum). Pertolongan Allah akan datang bila mukmin membuat persediaan sedaya mampu mereka

walaupun jika dibandingkan dengan persediaan pihak lawan masih jauh berbeza. Namun itulah rahmat Allah kepada hamba-hambaNya. Kekuatan yang sebenar bukan terletak pada apa yang ada di tangan kita. Sebaliknya kekuatan yang sebenar adalah kebergantungan kita kepadaNya.

Kekuatan atau “quwwah” dalam ayat di atas disebut dengan lafadz “nakirah”, quwwah (tanpa alif dan lam). Menurut pakar bahasa, nakirah membawa maksud syumul, iaitu merangkumi semua jenis kekuatan, dan ia berbeza dari satu zaman dengan zaman yang lain. Jenis kekuatan yang disebut di dalam ayat di atas ialah pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia. Itu bersesuaian dengan zaman itu. Zaman sekarang, kekuatan yang diperlukan tentunya berlainan. Itulah yang mesti difikirkan oleh mukmin yang ingin mencapai kemenangan.

Sebagai pendukung perjuangan Islam, khususnya ahli-ahli IKRAM tidak seharusnya melupai hakikat ini dan mengabaikan syarat kemenangan yang mesti dipenuhi. IKRAM menyediakan manhaj tarbiah yang lengkap dan tersusun dengan wasilahnya yang pelbagai. Maka menjadi tanggungjawab setiap ahli beriltizam dengan manhaj dan mengikuti semua wasilah tahap demi tahap agar ilmu sentiasa meningkat dan iman kian mantap.

Di samping itu, IKRAM menyusun perancangan strategic, memperkemaskan organisasi, mengukuhkan jaringan dan meningkatkan prasarana yang bersesuaian dengan perkembangan zaman. Ahli mesti memahami, mengetahui di mana sepatutnya memposisikan diri, mengoptimumkan sumbangan, memperkukuhkan bariisan, menggenggam azam dan terus melangkah ke medan. Terus mara sehingga menang atau syahid di tengah jalan.



## TARBIATUNA

JAWATANKUASA TARBIAH PUSAT  
- PERTUBUHAN IKRAM MALAYSIA -

### Penaung

- Ustaz Tajul Arifin Che Zakaria

### Ketua Editor

- Azamuddin Mohd Maarof

### Penulis:

- Ustaz Tajul Arifin Che Zakaria
- Ustaz Abd Muhaimin Mohammad Shahar
- Ustaz Mohd Fadzil Salleh
- Ustazah Maznah Daud
- Ustazah Sallawahiu Mohd Salleh

### Penulis / Penterjemah:

- Ustaz Abd Muhaimin Mohammad Shahar

### Pengurus/Susunatur/Grafik

Hanafi Sudi@Yusoff

### Diterbitkan oleh :

Jawatankuasa Tarbiyah Pusat,  
Pertubuhan IKRAM Malaysia  
(IKRAM),

Tel + 603 - 8945 6999,

+ 603 - 8945 3666

Fax +603 - 8945 1772

tarbiatuna.ikram@gmail.com

### Dicetak oleh :

Mashi Publication Sdn Bhd

Tel: 03-9076 6311

Fax: 03-9075 4311

mashipublication@yahoo.com



## SEBAHAGIAN AKTIVITI KITA

### Pelapis I : Melengkapkan Siri yang Terakhir



Saudara Syariffudin sedang memberikan perkongsian di dalam slot Curahan Hati

9 - 10 April, Shah Alam. Program Pelapis I telah ahpun menempuh siri yang ke-10 iaitu siri yang terakhir di mana sepanjang siri satu hingga ke-sepuluh para peserta telah mendapat pengisian, bersama-sama dengan para tokoh, qiadah, serta pakar di dalam sesi pelbagai slot samada dalam bentuk kuliah, bengkel mahupun slot pembentangan.

Pengalamam, curahan ilmu , serta kepa- karan yang diperolehi ini sememangnya amat diperlukan untuk memperkasa tarbiah di negeri dan daerah masing-masing.

Program ini diakhiri dengan ucapan Setiausaha JKT Pusat dengan membacakan pe- rutusan penutup daripada Pengerusi JKT, Ustaz Tajul Ariffin Che Zakaria

### Baitul Muslim : Membumikan Harapan

14 Mei 2016, Sungai Petani. Pembinaan keluarga IKRAM menjadi agenda utama perbincangan di dalam “Bengkel Baitul Muslim” dengan slogan “Membumikan Harapan” yang membawa maksud dengan harapan supaya pembinaan keluarga di kalangan ahli ini akan dapat memacu institusi dengan lebih tersusun dengan asas-asas yang kukuh dan mantap.

Program ini dianjurkan oleh JK Tarbiah Negeri Kedah dgn kerjasama JK Tarbiah Daerah Sungai Petani dan BalingDewan Al Banna telah di adakan Pusat Pendidikan Islah ini, di hadiri



sesi pembentangan oleh salah seorang peserta

89 orang yang terdiri daripada ahli aktif dan ahli teras. Slot-slot pengisian telah disampaikan oleh oleh Cikgu Mohd Pisal Bin Abu Bakar dan Pn Maimunah Binti Beon serta pelaksanaan sesi bengkel bersama para peserta.

### Manhaj Tarbiah : Memperkasa Mudarrib

2 April 2016. Program ToT Muwajihin bertujuan untuk melatih para peserta serta memberi kefahaman melaksanakan serta mencapai objektif Manhaj yang bertepatan dengan perancangan IKRAM.

Program yang dirasmikan oleh Pengerusi JK Tarbiah Pusat, Ustaz Tajul Arifin Che Zakaria dalam ucapannya memberi penekanan bahawa manhaj pada fasa ini adalah untuk merubah masyarakat demi kesejahteraan ummah dan negara.

Program yang dihadiri oleh para peserta



Sebahagian peserta di dalam sesi perbincangan

program Muwajih I dan II serta peserta PELAPIS juga akan meningkatkan perkembangan tarbiah dan kefahaman Manhaj untuk disampaikan

